

SENI POKOK KEPAL

Kokedama dari Jepun mulai popular di negara ini



RENCANA

Muhammad Apendy Issahak
apendy@hmetro.com.my

Tanaman hiasan sesuai ditanam dalam pasu untuk mencantikkan rumah. Hakikatnya pelbagai teknik lain boleh dipraktikkan seperti seni bonsai Jepun atau kokedama untuk tanaman

di dalam pasu. Kokedama jika diterjemahkan bermaksud ‘koke’ iaitu lumut dan ‘dama’ pula bermakna bulat dengan bahasa mudahnya bebola lumut atau seni pokok kepala.

Melalui teknik ini, akar pokok dibalut dengan media tanaman kemudian dililiti lumut sebelum diikat menggunakan tali

KOKEDAMA yang sudah siap dililit dengan tali.



dan mengubahnya menjadi bentuk arca.

Kokedama boleh dijadikan tanaman hiasan secara gantung atau diletakkan pada bekas termasuk barang terpakai seperti tempurung dan sabut kelapa.

Pegawai Pertanian Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia (UPM), Ainul Mardhiyyah Mohamed Ghazali berkata, konsep seni dari Jepun itu sudah lama ada namun kini baru diketengahkan di negara ini.

Menurutnya, kokedama

TANAH dikepal menjadi bentuk bulat atau ‘dama’.



semakin digemari terutama peminat tanaman hiasan kerana ia tidak memerlukan kos yang tinggi malah menjimatkan kos kerana boleh menggunakan barang terpakai selain sesuai dijadikan aktiviti keluarga.

“Bahan yang diperlukan hanyalah tanah campuran, sphagnum atau lumut hijau, pokok hiasan, air, tali, gunting dan gunting pertanian.

“Pokok yang sesuai daripada jenis yang kecil dan hanya memerlukan penjagaan minimum antaranya english ivy (hedera helix), paku pakis (asplenium sp), pothos sp dan parlor palm,” katanya ketika ditemui pada Program Klinik Pertanian Daerah Batang Padang di Arena Merdeka, Tapah, Perak, baru-baru ini.

Ainul Mardhiyyah berkata, untuk menghasilkan pokok kepala ini, lumut perlu direndam supaya menyerap air dan tanah campuran juga digaul dengan air sehingga tanah berbentuk bulat.

“Pokok hiasan disediakan dengan membersihkan akar daripada tanah dan akarnya dipotong sedikit untuk memudahkan cantuman dengan tanah.

“Tekapkan tanah pada akar pokok dan bentukannya menjadi bulat, kemudian balut bahagian ini dengan lumut yang diperah hingga menutupi keseluruhan tanah yang sudah dibulatkan,” katanya.

Menurutnya, akhir sekali tanah yang sudah dikepal dengan lumut itu perlu dililit dengan tali hingga kemas.

“Kokedama hanya memerlukan penjagaan minimum, disiram empat hari sekali secara semburan air halus pada lumut yang membalut tanah atau merendam seketika bebola ke dalam air serta air lebihannya diperah.

“Pembajaan pula boleh menggunakan baja semburan dan pencahayaan bergantung kepada jenis pokok hiasan yang digunakan,” katanya.

